



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**GANGGUAN INTERNET PUTRAJAYA CAMPUS NETWORK (PCN) DI
BANGUNAN ISTANA KEHAKIMAN DAN AGENSI KERAJAAN LAIN
DI PUTRAJAYA PADA 6 APRIL 2021**

Pejabat ini merujuk kepada artikel Free Malaysia Today pada 6 April 2021 bertajuk “*Shafee goes ‘silent’ for over an hour during SRC appeal*”. Dimaklumkan bahawa terdapat gangguan internet PCN di Bangunan Istana Kehakiman dan beberapa agensi kerajaan lain di sekitar Putrajaya bermula jam 10.30 pagi hingga 12.00 tengah hari. Gangguan ini menyebabkan Tayangan Langsung prosiding Rayuan Dato’ Sri Najib bin Tun Abdul Razak di Dewan Persidangan, Istana Kehakiman untuk pengamal media tidak dapat ditayangkan.

Walau bagaimanapun, gangguan tersebut tidak menjejaskan rakaman prosiding rayuan di Mahkamah Terbuka, yang mana semua Peguam dan Pendakwa Raya masih dibekalkan dengan salinan (*soft copy*) rakaman prosiding selepas prosiding berakhir.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Tarikh: 7 April 2021